

14/11/2001

PM ajak rakyat bersikap tolak ansur

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak rakyat pelbagai kaum supaya saling hormat menghormati dan bersikap tolak ansur supaya kemajuan serta kemakmuran yang dicapai negara dapat dipertahan dan dipertingkatkan.

Pada masa sama, Perdana Menteri berkata kerajaan tidak akan bertolak ansur terhadap mana-mana puak radikal yang hanya memperjuangkan ideologi sempit mereka tanpa menghormati hak kaum dan agama lain.

Beliau berkata, hasil kestabilan dan keharmonian negara yang wujud daripada perpaduan dan semangat toleransi rakyat pelbagai kaum, Malaysia dianggap negara membangun yang termaju sekali.

"Tanpa nilai-nilai ini kita tidak mungkin mencapai tahap kemajuan dan kemakmuran yang kita nikmati sekarang," katanya dalam perutusan perayaan Deepavali yang akan disambut rakyat Malaysia beragama Hindu esok.

Dr Mahathir berkata, sejak akhir-akhir ini ada golongan ekstrim yang cuba mengancam keharmonian dan keamanan yang dinikmati rakyat pelbagai kaum di negara ini.

Katanya, walaupun Malaysia negara Islam dan majoriti penduduknya umat Islam, hak untuk kaum lain menganut agama serta mengamalkan budaya masing-masing tetap dipertahankan seperti termaktub dalam Perlembagaan.

"Di Malaysia suku kaum yang terkecil pun mempunyai kebebasan dan berhak dalam semua bidang, seperti politik, sosial dan ekonomi. Kita saling hormat menghormati antara satu sama lain dan bebas menganut dan mengamalkan agama serta budaya kita tanpa perlu berasa bimbang atau terancam," katanya.

Perdana Menteri berharap tradisi rumah terbuka serta kunjung-mengunjung diteruskan kerana ia penting bagi membentuk persefahaman dan sikap toleransi antara rakyat berbilang kaum di negara ini.

Katanya, di sesetengah negara, perbalahan antara masyarakat berlainan agama dan kaum, malah antara satu kaum yang berlainan agama, telah menghancurkan negara berkenaan.

Oleh sebab itu, katanya, ramai warga asing bermati-matian untuk menyeludup masuk ke negara ini.

"Biasanya ini berlaku kepada negara yang sudah maju, tidak kepada negara membangun seperti Malaysia. Tetapi, ada hampir dua juta rakyat asing yang masuk dengan izin atau tanpa izin ke negara kita. Sudah tentu, jika negara kita tidak aman dan maju, mereka tidak akan datang ke sini.

"Kita sebagai rakyat Malaysia yang berfikiran waras dan rasional perlu menghargai keadaan di negara kita kerana kita tidak perlu berhijrah ke mana-mana. Malaysia adalah negara kita dan kita perlu tentukan ia terus aman dan maju," katanya.

Dr Mahathir berkata, sempena perayaan Deepavali, rakyat perlu menggunakan peluang yang baik itu untuk merapatkan hubungan sesama sendiri bagi menjamin keharmonian serta kesejahteraan berterusan untuk negara yang tercinta ini.

(END)